



conference proceeding



# SIMPOSIUM NUSANTARA<sup>9</sup>

THE 9TH REGIONAL SYMPOSIUM OF THE MALAY ARCHIPELAGO  
*Revisit Islamic Civilization and Built Environment In The Malay World*

11 & 12 December 2012  
Al-Khawarizmi Lecture Hall  
UiTM(Perak)

Organized by:  
Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI)  
Centre for Islamic Thought & Understanding (CITU)  
Centre for Architecture, Planning & Surveying (FSPU)  
Faculty of Architecture, Planning & Surveying (Perak)  
Universiti Teknologi MARA (Perak)  
<http://perak.uitm.edu.my/simp09>



FSPU

PAPER CODE : EP335

# METODOLOGI PENGHASILAN INDIKATOR BANDAR ISLAM

**Norizam Lagiman, Ibrahim Ngah, Ismail Mustari.**

*Jabatan Perancangan Bandar & Wilayah, Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia*

---

## Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan metodologi kajian yang sedang dilaksanakan untuk membangunkan indikator perancangan bandar sejahtera dari perspektif Islam dengan mendalami sumber-sumber berasaskan Al-Qur'an dan As-Sunnah. Definisi konsep bandar (madinah) tidak terdapat dalam Al-Qur'an dan As-Sunnah, namun idea perbandaran dalam Islam terdapat di dalam sumber tersebut. Ini dibuktikan dengan adanya unsur-unsur penting yang boleh menjadi dasar perbandaran sebagaimana terkandung di dalam Al-Qur'an dan As-Sunnah. Hasil yang telah dicapai oleh para pemikir Islam mengenai teori perbandaran adalah suatu bentuk ijtihad untuk menemukan dasar mengenai indikator tersebut. Kertas kerja ini akan menjelaskan kaedah yang digunakan dalam mengeluarkan indikator bandar sejahtera, dianalisis dan dinilai melalui kaedah istinbat hukum yang disepakati oleh para sarjana Islam dengan merujuk kepada ilmu usul Fiqh dan ilmu ulum Al-Qur'an, Takhrij As-Sunnah pula merujuk kepada ilmu mustalah al-hadis, Ijma' dan Qias. Kajian ini turut menggunakan kaedah pengesahan indikator dengan mengambil kira pendapat dari pakar bidang dan akan diuji di lapangan dengan mengaplikasikan indikator kepada bandar sedia ada.

**Kata kunci:** Indikator; Bandar Sejahtera; Kaedah/Manhaj; Istinbat; Takhrij

---

## 1. Pengenalan

Usaha untuk membangunkan bandar yang sejahtera bukan suatu yang baru. Dalam sejarah perancangan bandar moden terdapat banyak gagasan mengenai bandar ideal dikemukakan sebagai tindak balas daripada permasalahan kehidupan di bandar. Antara, idea awal yang berpengaruh termasuk *Garden City* oleh Ebenezer Howard, *Radian City* oleh Le Corbusier, *Broadacres City* by Frank Lloyd, Victoria oleh Robert Owen dan idea-idea utopia lain (Fishman, 2003; Ratcliffe, 1981). Idea atau teori pembangunan bandar terkini termasuk pembangunan mampan, bandar selamat, carbon rendah, *Good City*, bandar ilmu dan sebagainya adalah usaha-usaha berterusan sebagai tindak balas kepada permasalahan bandar (Riddell, 2004; Khaled, 2007; Blower, 1993; Friedman, 2011). Usaha-usaha tersebut mempunyai kelemahan tersendiri dan tidak berjaya menangani permasalahan bandar, antaranya kegagalan untuk melihat permasalahan bandar dalam konteks keseluruhan. Kajian ini cuba mencari penyelesaian kepada permasalahan bandar dari perspektif Islam. Islam adalah agama yang mencakupi segala lapangan kehidupan yang sangat komprehensif dan melingkungi seluruh aspek kehidupan dengan melaksanakan prinsip-prinsip yang membimbing dan memudahkan kehidupan termasuk sosial, ekonomi, pendidikan dan sebagainya kerana Allah berfirman dalam Al-Qur'an

*"Pada hari ini, aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu serta telah aku cukupkan nikmatKu kepada kamu dan telah memilih untuk kamu Islam sebagai agama kamu" (5:03).*

Jelas sekali, Al-Qur'an dan Sunnah dianggap sebagai sumber utama prinsip-prinsip Islam seperti yang disebut dalam Sunnah

*"Aku tinggalkan dua perkara di antara kamu. Kamu tidak akan sesat selagi kamu berpegang kepada keduanya iaitu kitab Allah dan Sunnahku". (H.R. Muslim)*

Kajian ini akan membina indikator bandar sejahtera dari perspektif Islam berpandukan sumber Al-Qur'an dan As-Sunnah. Kajian berkaitan pembangunan bandar Islam ini amat terhad dan jika diperhatikan penulisan awal Ibnu Khaldun ada menyentuh serba sedikit tentang pembangunan bandar pada zaman Islam. Dalam kitabnya "Mukadimah" Ibn Khaldun (2000:393) mengatakan bahawa, "Tujuan mendirikan bandar ialah supaya dijadikan kawasan penempatan dan tempat berlindung. Dengan demikian adalah wajar ini diambil perhatian supaya segala benda yang berbahaya dijauhkan daripada bandar dengan cara menjaganya daripada segala yang boleh mencelakan

serta memasukkan segala sesuatu yang bermanfaat, dan menyediakan segala kemudahan sesuai dengan kehidupan di bandar". Bandar yang baik perlu mempunyai udara dan air yang bersih, dan sumber makanan yang baik kerana perwatakan manusia dipengaruhi oleh makanan tersebut. Bandar perlu juga mempunyai padang rumput untuk ternakan, tanah lapang untuk bercucuk tanam, dan tempat yang mempunyai bahan/kayu untuk bangunan. Perpaduan sosial melalui semangat kekitaan amat penting dalam mewujudkan suatu tamadun dan kehidupan yang sederhana perlu dipupuk bagi kelangsungan kehidupan. Ini adalah sebahagian kecil ciri bandar pada zaman Islam yang boleh dikembangkan lagi.

Masyarakat bandar yang bertamadun juga mengikut pandangan sarjana Islam meletakkan Al-Qur'an dan As-Sunnah sebagai sumber utama dan pembangunan yang berlaku adalah mengambil kira aspek material dan kerohanian. Menurut Ibnu Khaldun, ajaran Islam itu sendiri melahirkan manusia yang bertamadun. Islam menekankan konsep akidah dan pengabdian diri kepada Allah sebagai asas tamadun. Konsep pembinaannya adalah tetap, konsisten dan tidak dipengaruhi oleh hawa nafsu. Aspek kepimpinan dalam tamadun Islam dapat dilihat melalui keperibadian pemimpin Islam itu sendiri sepertimana ditunjukkan oleh keperibadian Rasulullah (SAW), para sahabat dan lain-lain. Dengan itu *Aqidah al-Tauhid* adalah pembeza terbesar antara asas tamadun yang dibina oleh Islam berbanding tamadun yang dipelopori oleh sarjana Barat.

## 2. Latar belakang Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan indikator perancangan bandar sejahtera dari perspektif Islam yang melihat indikator perancangan bandar berdasarkan rujukan Al-Qur'an, As-Sunnah, kajian terhadap bandar-bandar Islam dahulu dan kini serta pandangan para cendekiawan Islam masakini. Kertas kerja ini akan membincangkan metodologi yang akan digunakan dalam mengenalpasti dan menterjemahkan indikator bandar sejahtera daripada Al-Qur'an dan As-Sunnah. Al-Qur'an adalah kitab suci yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad untuk dijadikan sebagai pelita kehidupan oleh manusia. Al-Qur'an mengandungi segala sesuatu yang mampu memimpin manusia ke jalan yang benar bagi mereka yang mengikuti segala perintah dan meninggalkan segala larangan Allah.

Kandungan Al-Qur'an mempunyai pelbagai aspek yang mencakupi seluruh kehidupan tetapi mampu diringkaskan kepada tiga bahagian yang besar iaitu:

Pertama: Hal berkaitan dengan al-Ma'bud (Tuhan yang disembah). Hal ini terdapat pada ayat-ayat akidah atau ketauhidan yang merupakan landasan pokok dalam ajaran Islam.

Kedua: Hal-hal yang berkaitan dengan cara beribadah kepada Allah. Hal yang kedua ini mencakupi segala bentuk peribadatan, muamalat (transaksi antara manusia seperti perniagaan dan sebagainya, Munakahat (hukum keluarga) dan jenayat.

Ketiga: Nasib manusia di akhirat kelak. Hal ini dinyatakan dalam bentuk takzir dan peringatan.

Di dalam kertas kerja ini akan dibincangkan tatacara *istinbat* (penghasilan) sesuatu hukum disamping menempatkan hadis nabi s.a.w yang berfungsi sebagai penjelas terhadap Al-Qur'an. Hal ini menunjukkan bahawa Al-Qur'an merupakan amalan nabi s.a.w sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah "*Akhlaq nabi s.a.w adalah Al-Qur'an*" dan tatacara penjelas terhadap hadis pula dengan menggunakan ilmu takhrij Al-Hadis.

## 3. Metodologi Perbahasan Al-Qur'an dan As-Sunnah

### a. Perbahasan Al-Qur'an

Proses mengenalpasti indikator berdasarkan Al-Qur'an melibatkan proses pentafsiran Al-Qur'an. Metodologi yang digunakan dalam mentafsirkan Al-Quran salah satu darinya ialah *tafsir bil ma'thur*, yakni tafsir Al-Qur'an dengan periwayatan iaitu sama ada menafsirkan Al-Qur'an dengan Al-Qur'an, tafsir Al-Qur'an dengan hadis Nabi atau pun tafsir Al-Qur'an dengan perkataan sahabat Nabi, tabi'in dan tabi'ut tabi'in. Ada juga metodologi tafsir yang lebih menjurus kepada tafsir dari sudut penggunaan bahasa. Ianya teliti dengan bahasa-bahasa ma'aninya, kelebihan-kelebihan, pengertian setiap perkataan yang digunakan. Fokusnya lebih kepada keindahan bahasa Al-Qur'an contohnya kitab-kitab *Al-Kassyaf* oleh Al-Zamakhsyari, *Ruhul Ma'ani* oleh al-Alusi, *Tahanut Tanwin* oleh Ibn Asyur dan sebagainya. Antara kitab-kitab tafsir yang terbaik ialah *Tafsir Al-Thobari*. Akan tetapi Tafsir Al-Thobari ini terlalu panjang kerana memasukkan semua riwayat-riwayat sahih mahupun yang lemah. Ada antara ulama seperti Syeikh Ahmad Syakir berkhidmat melakukan penelitian semula riwayat-riwayat di dalam kitab tersebut dan juga ulama-ulama yang lain. Walaubagaimanapun tafsir ringkas yang boleh kita manfaatkan secara langsung ialah Tafsir Ibnu Kathir. Ia merupakan yang terbaik untuk mudah difahami dan mudah dibaca. Kitab ini memberikan kita satu garis panduan antara kaedah. Kaedah tafsirannya;

- menafsirkan ayat al-Qur'an dengan al-Qur'an yang lain
- kemudian menafsirkan al-Qur'an dengan hadis Nabi
- seterusnya perkataan sahabat nabi tabi'in,
- disusuli tabi'ut tabi'in
- akhir sekali barulah kesimpulan dan pandangannya.

Berbeza dengan sebahagian orang yang salah dan keliru dalam memahami Al-Qur'an. Ada di antara mereka merenung mushaf dan memikirkan sendiri apakah maknanya tanpa merujuk kepada kitab tafsir yang muktabar. Jika kaedah ini digunakan, maka ramailah sudah boleh diiktiraf menjadi ulama' tafsir. Begitu juga ada tafsir contohnya *Al-Iman Albiqa-I rahimahullah* (wafat 885H), *Nazhm al-Durar fi Tanasub al-Ayat wa al-Suwar* (8 jilid). Tafsir ini memberi fokus kepada membahaskan munasabah-munasabah setiap ayat. Mengapakah ayat ini didatangkan selepas ayat ini dan mengapakah surah ini diletakkan selepas surah ini. Begitu juga terdapat tafsir-tafsir yang memberi fokus kepada hukum hakam seperti tafsir Al-Imam Al-Qurtubi rahimahullah (wafat 671H). Beliau memberi fokus kepada hukum-hakam dari ayat al-Qur'an. Sebagai contoh beliau membawa satu ayat al-Qur'an dan mengeluarkan istinbat 25 hukum fekah daripadanya. Manakala tafsir yang memberi fokus Al-Qur'an dengan Al-Qur'an sahaja seperti tafsir Syeikh Muhammad Al-Amin Al-Shanqiti (wafat 1393 H) dengan judul *Adwa'al-Bayan Fi Idhah al-Qur'an bi al-Qur'an*. Ada juga tafsir bir-ro'yi iaitu tafsir yang menggunakan akal semata-mata. Golongan ini disebut sebagai muktazilah. Ada yang mengarang kitab tafsir untuk mendirikan dan menegakkan akidahnya seperti Al-Zamakhshari dengan *tafsir Al-Kassaf*.

### 3.2 Perbahasan As-Sunnah

Proses mengenalpasti indikator berdasarkan As-Sunnah melibatkan pengenalpastian hadis dengan merujuk kepada ilmu takhrij al-hadis. Takhrij hadis membawakan definisi sebagai suatu usaha memastikan asal-usul sesebuah hadis itu melalui kitab-kitab hadis yang muktabar dengan sanadnya yang lengkap daripada pengarangnya hinggalah kepada Nabi Muhammad SAW. Dengan kata lain, ia merupakan suatu proses mengeluarkan semula seberapa banyak maklumat tentang asal-usul sesebuah hadis itu secara bersama apabila setiap hadis itu dinyatakan. Sementara itu, sejarah takhrij itu bermula agak lewat. Ini kerana pada zaman awal Islam terutamanya pada zaman kelahiran kitab-kitab hadis yang bermula pada awal abad ke-2 Hijrah sehingga zaman kecemerlangannya pada abad ke-3 Hijrah, kitab-kitab takhrij hadis masih belum wujud. Hal ini kerana, para ulama hadis ketika itu tidak memerlukan kitab takhrij hadis. Ia lantaran keilmuan mereka yang begitu luas dan ingatan yang kuat mengenai hadis serta kitab-kitab hadis serta metodologi penulisannya.


Mereka berkemampuan mengenal pasti sumber hadis dan kedudukan sesebuah hadis. Apatah lagi hadis-hadis pada ketika itu masih diterima dan diriwayatkan secara bersanad daripada sheikh atau guru-guru mereka. Keadaan ini berterusan sehingga beberapa abad lamanya sehingga sampai kepada satu keadaan yang memerlukan kepada kaedah-kaedah tertentu bagi tujuan memudahkan usaha mendapatkan sesebuah hadis. Keadaan demikian timbul setelah ramai para ulama dan huffaz hadis meninggal dunia dan pengetahuan mengenai hadis dan kitab-kitab hadis berkurangan. Apatah lagi dengan kemunculan pelbagai karya agama yang memuatkan hadis tanpa sanad dalam pelbagai bidang. Ini menyebabkan usaha untuk mengenal pasti sumber dan status sesebuah hadis menjadi semakin sukar. Berdasarkan faktor inilah ulama hadis berusaha mencipta beberapa kaedah dan metod bagi memudahkan para penuntut ilmu khususnya pencinta hadis untuk merujuk dan mengenal pasti sumber dan status sesebuah hadis. Secara umumnya, ilmu takhrij ini mula diperkenalkan pada abad ke-6 Hijrah. Kitab takhrij yang pertama dihasilkan ialah kitab *Takhrij Ahadith al-Muhadhdhab fi al-Fiqh al-Syafi'i li al-Syirazi* oleh Muhammad bin Musa al-Hazimi. Hadis sebagai sumber perundangan Islam wajar dipelihara daripada sebarang kelemahan dan kedaifan. Ini kerana, umat Islam sangat bergantung kepada hadis yang sahih sebagai penjas, penguat, penghurai kepada nas-nas Al-Qur'an. Hadis atau sunnah Rasulullah sebenarnya juga merupakan wahyu daripada Allah sesuai dengan firman-Nya yang bermaksud:

*Dan ia (Nabi Muhammad SAW) tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakan itu (sama ada Al-Qur'an atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diberi kepadanya. (53: 3-4)*

Namun begitu kita tidak dapat menafikan dalam sejarah penulisan dan pembukuan hadis-hadis Rasulullah, pelbagai cabaran terpaksa dihadapi dari sudut campur aduk sehingga melahirkan hadis-hadis palsu atau *mauduk*. Hadis *mauduk* merupakan hadis yang sengaja direka oleh musuh Islam. Terutamanya golongan zindik yang

kononnya disandarkan atau didatangkan dari Rasulullah SAW. Perbuatan golongan ini adalah satu pendustaan dan sikap keji untuk memusnahkan kefahaman umat Islam terhadap agamanya. Hamad bin Raid Ibnu Darham al-Azdi berkata: "Orang-orang Zindiq memalsukan hadis-hadis Rasulullah SAW sebanyak 14,000 hadis". Menurut Ibn 'Addi pula, ketika Abd. al-Karim bin Abi al-'Auja' ditangkap dan kemudiannya diserahkan kepada Muhammad bin Sulaiman bin Ali yang memerintahkan supaya dipenggal lehernya, berkatalah ia: "Demi Allah! Aku telah memalsukan hadis sebanyak 4,000 hadis". Hadis-hadis palsu ini amat bahaya kepada umat Islam kerana ia umpama peluang terbuka kepada kesesatan dan syirik kepada Allah. Apatah lagi hadis-hadis palsu yang berhubung dengan akidah dan usuluddin. Sebab itulah para ulama hadis dalam ilmu Mustalah Hadis mengkategorikan hadis kepada beberapa jenis. Antaranya ialah hadis *Sahih, Hasan, Daif* mahupun *Mauduk*. Bagi menilai kesahihan hadis dan darjahnya serta sanad yang meriwayatkan matannya (isi kandungan atau teks hadis), para ulama menggunakan satu kaedah yang dinamakan takhrij al-hadis. Ilmu takhrij hadis ini menjadi satu keperluan dipelajari dan diketahui umat Islam bagi menilai kesahihan dan sumber hadis Nabi Muhammad SAW.


Rajah 1: Metodologi Penghasilan Indikator Bandar Sejahtera



#### 4. Metodologi Yang Digunakan

Salah satu usaha ke arah membangkitkan kesedaran dan memandu tindakan secara bersepadu bagi membina bandar sejahtera ialah dengan membina satu set indikator secara menyeluruh yang merangkumi dimensi fizikal dan spiritual. Indikator awal dibina berasaskan penelitian Al-Qur'an dan beberapa penulisan berkaitan sistem sosial, ekonomi, individu dan masyarakat Islam. Indikator ini akan menjadi pengukur tahap kesejahteraan dan menjadi asas kepada tindakan-tindakan susulan bagi memperbaiki kelemahan-kelemahan berasaskan petunjuk yang dibina. Dalam membina indikator ini terdapat 3 peringkat kajian (rujuk Rajah 2)

- 1- Pembinaan hipotesis
- 2- Pengujian hipotesis
- 3- Aplikasi indikator



Rajah 2: Metodologi Kajian Pembentukan Indikator Bandar Sejahtera

## 5. Hasil Awal Indikator

Kajian di peringkat awal telah menghasilkan enam set indikator iaitu fizikal, akidah, akhlak, ekonomi, sosial dan institusi.

### Jadual 1: Set Indikator Bandar Islam

#### FIZIKAL

Bil	Indikator (Positif)	Indikator (Negatif)
1	Orientasi Qiblat	Berlakunya kerosakan bumi
2	Kehidupan tanpa berhala	Pencemaran
3	Suasana Indah, Aman dan Subur	
4	Banyak masjid didirikan	
5	Suasana kehidupan penduduk Bersih	
6	Penduduk berkembang dan bertambah (Barkah)	

#### AKIDAH

Bil	Indikator (Positif)	Indikator (Negatif)
1	Penduduk beriman	Tidak berakal
2	Golongan cerdas pandai	Bahaya Murtag dalam masyarakat
3	Faham Keadilan Allah	
4	Penduduknya melaksanakan Hukum Allah	
5	Sentiasa mengingati mati	
6	Ramai Solat berjemaah	
7	Allah menjadi pusat kepatuhan dan ketaatan	

### AKHLAK

Bil	Indikator (Positif)	Indikator(Negatif)
1	Perpaduan penduduk	Berkembangnya hasad dengki dikalangan penduduk
2	Mendapat Kasih sayang Allah	Banyak berlaku Pergaulan bebas
3	Keseimbangan ilmu	Berkembang amalan sihir dalam masyarakat
4	Penduduk ramai menutup aurat	Kadar buta huruf tinggi
5	Jemaah yang menyampaikan wasiat iman	Penduduk tidak solat
6	Sentiasa berhikmah	Penduduknya bakhil
7	Taat Perintah Allah	Menipu jadi amalan masyarakat
8	Penduduk Solat & Istiqomah terhadap perintah Allah	Larikan diri dari pertempuran
9	Penduduk bertaqwa	Inkar perintah Allah
10	Menjaga Hubungan sesama muslim	Penduduk mengkhianati janji
11	Keutamaan iman, jihad & sabar	Larangan menjadi pemimpin yang sombong
12	Mengamalkan Sifat Ulul Albab	Berleluasa kezaliman
13	Zikir jadi budaya masyarakat	Inkar Al-Qur'an
14	Perintah memerhatikan ciptaan Allah	Larangan mengingkari janji & sumpah
15	Ibu bapa dihormati	Berleluasa fitnah dalam masyarakat
16	Penduduk amal Sunnah nabi	
17	Celik Quran	
18	Penduduknya bersyukur	
19	Jihad Fi sabilillah hidup dalam masyarakat	
20	Penduduk sentiasa Bertasbih	
22	Ketinggian semangat pengorbanan dikalangan penduduk	

### EKONOMI

Bil	Indikator (Positif)	Indikator(Negatif)
1	Perlaksanaan <i>Muamalat</i> dalam perjanjian jualbeli	Berkembang Riba' dalam masyarakat
2	Simpanan/Tabungan sentiasa meningkat	Curi dalam timbangan
3	Zakat jadi budaya penduduk	Judi jadi amalan biasa
4	Budaya sedekah berkembang dalam masyarakat	Arak jadi minuman harian
5	Berkembang budaya wakaf dikalangan penduduk	Budaya hutang berkembang
6	Makanan halal Lagi baik	Penduduk enggan bersedekah
7	Haiwan ternak berkembang biak	Berleluasa amalan boros & kikir
8	Rezeki digunakan sebaik mungkin	

### SOSIAL

Bil	Indikator (Positif)	Indikator(Negatif)
1	Perlaksanaan Amal makruf nahi munkar dikalangan penduduk	Gejala maksiat berleluasa
2	Institusi dakwah berkembang	Kadar pembunuhan tinggi
3	Penjagaan harta anak yatim	Kadar kecurian meningkat
4	Pengaruh agama dalam masyarakat	Zina jadi budaya masyarakat
5	Kesatuan Umat Islam	Makan harta anak yatim

## INSTITUSI

Bil	Indikator (Positif)	Indikator(Negatif)
1	Perlaksanaan Syariah dalam kehidupan penduduk	Bertambah golongan kafir
2	Kehadiran Pasukan keselamatan	Larangan membantu golongan kafir
3	Penjagaan dan pembelaan terhadap anak yatim	
4	Penjagaan dan pembelaan orang miskin	
5	Methodologi Dakwah yang berkesan	
6	Penduduk sentiasa memakmurkan masjid	

## 6. Pandangan Pakar Bidang

Setelah indikator dihasilkan, seterusnya indikator ini akan melalui proses pengesahan indikator dengan merujuk kepada pakar bidang yang berkhidmat di beberapa institusi pengajian tinggi, seperti di Fakulti Al-Qur'an Dan Sunnah, UKM, USIM dan Fakulti Tamadun Islam UTM disamping itu pendapat pakar juga diperolehi dari Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur UiTM. Proses pengesahan ini akan melalui beberapa peringkat. Peringkat awal melibatkan perbincangan dengan beberapa pakar bidang terpilih bagi mendapatkan maklum balas umum mengenai penemuan awal pengkaji. Contohnya, dalam kajian awal, antara cadangan yang dikemukakan oleh pakar bidang adalah: mengemaskinikan prinsip kepada bandar Islam yang dipelopori oleh Al-Farabi dalam Kitabnya *al-Madinah al-Fadilah*. Ada juga pendapat dari pakar bidang mencadangkan untuk lebih memfokuskan kepada Indikator fizikal kerana lebih mudah diukur dan ada juga pendapat dari pakar bidang untuk menggunakan perisian hadis *Mausuah Al-Hadis As-Syarif* yang telah *ditashihkan* hadisnya hanya kepada hadis yang *sohih* semata-mata.

## KESIMPULAN

Kajian bagi menghasilkan indikator bandar Islam perlu merujuk kepada sumber asas iaitu Al-Qur'an dan As-Sunnah, kerana tiadanya contoh terbaik bandar Islam semasa untuk dijadikan bahan kes kajian. Al-Qur'an dan As-Sunnah merupakan asas kepada kajian membangunkan indikator bandar sejahtera ini. Allah SWT telah memerintahkan hamba-Nya untuk menjadikan Al-Qur'an dan As-Sunnah sebagai sumber pertama ilmu pengetahuan. Kedua-dua sumber ini adalah langsung dari sisi Allah SWT dan dalam pengawasan serta penjagaan Allah sentiasa dan bebas dari sebarang kesalahan. Kewajipan mengambil ilmu dari keduanya, disampaikan Allah SWT melalui pelbagai perintah untuk memikirkan ayat-ayat-Nya:

*Ini adalah ayat-ayat kitab Al-Qur'an yang menyatakan kebenaran. Sesungguhnya kami menurunkan kitab ini sebagai Quran yang dibaca dengan bahasa arab supaya kamu menggunakan akal untuk memahaminya. Kami ceritakan kepadamu wahai Muhammad seindah-indah cerita dengan jalan kami wahyukan kepadamu Al-Qur'an ini, pada hal sebenarnya engkau sebelum datangnya wahyu itu adalah dari orang-orang yang tidak menyedari akan halnya.*

(12:1-3)

Dan menjadikan Nabi SAW sebagai pemimpin dalam segala hal sebagaimana FirmanNya:

*Demi sesungguhnya! Adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan keredhoan Allah dan balasan yang baik di akhirat, serta ia pula menyebut dan memperingati Allah banyak-banyak dalam masa susah dan senang (33:21)*

Kajian indikator bandar Islam perlu dilihat dari perspektif yang menyeluruh dan bukan hanya bertumpu kepada aspek fizikal sahaja kerana realiti kehidupan masyarakat merangkumi semua aspek kehidupan yang saling berkaitan termasuk sosio, ekonomi, fizikal, akidah, akhlak dan institusi. Kecenderungan untuk melihat permasalahan masyarakat dalam batasan disiplin ilmu merupakan antara punca suatu permasalahan bandar tidak dapat ditangani secara berkesan sebagaimana berlaku terhadap pendekatan perancangan fizikal pada awal sejarah perancangan moden. Oleh yang demikian, matlamat utama kajian ini adalah untuk menghasilkan indikator yang menyeluruh supaya boleh dijadikan panduan dalam merangka suatu dasar baru dalam membentuk konsep perbandaran yang berteraskan kepada prinsip Islam.



## RUJUKAN

Al-Qur'an & As-Sunnah.

Adam bin Ibrahim. (2012). Pembentangan kertas kerja bertajuk "Aspek Pembangunan Komuniti Selamat Menurut Perspektif Islam", Seminar Antarabangsa Pembangunan Sosial (SAPKO 2012), Universiti Malaysia Terengganu.

Ahmad Zaki Hj. Abd.Latif. (1997). Perbandaran Di Timur Tengah: Kesannya Terhadap Masyarakat Islam Abad I –III Hijrah. Dewan Bahasa dan Pustaka, Selangor.

Ahmed, Akbar S. (1992). Postmodernism and Islam. London and New York: Routledge.

Blower, Andrew (1993). Planning for a Sustainable Development, A report by the Town and Country Planning Association. London: Earthscan.

Ferrante, Joan. (2008). Sociology: A Global Perspective. Australia: Thomson & Wadsworth

Fishman, Robert (2000). Urban Utopias: Ebenezer Howard, Frank Lloyd and Le Corbusier, in Cambell, S. and Fainstein S.S., Reading in Planning Theory, 2<sup>nd</sup> Ed. Oxford: Blackwell.

Friedman, John (2011). Insurgencies: Essays in Planning Theory, London: Routledge.

Green (1992). "Managing Quality, A Guide to System Wide Performance Management in Health Care", Mosby Year Book.

Hart, M. (1999). Guide to Sustainable Community Indicators (second edition). North Andover, MA: Sustainable Measures.

Khaled Ali Youssef (2007), Economic of Knowledge Cities, Opportunities and Challenges, in MIP, Knowledge Cities, Petaling Jaya: Scholar Press.

Khaldun, Ibn. (2000). The Muqaddimah Ibn Khaldun, Terjemahan, Kuala Lumpur: DBP.

Mohd Fadzil Hj. Mohd Khir (2009). "Isu Semasa Alam Sekitar Dan Pembangunan Komuniti Dari Perspektif Islam".

Muhammad Syukri Saleh. (2002). Siri Pengajian dan Pendidikan Utusan "Pembangunan Berteraskan Islam". Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Nasaruddin Umar & KH. Salahuddin Wahid. (2011). Ensiklopedia Al-Qur'an & Hadis Per Tema. Jakarta: Alita Aksara Media.

Radieah Mohd Nor. (2009). Prinsip-prinsip Pembangunan Berteraskan Islam dalam Mukadimah Ibn Khaldun.

Ratcliffe, John (1981), An Introduction to Town and Country Planning, 2<sup>nd</sup> Ed. London: The Built Environment.

Riddell, Robert (2004), Sustainable Urban Planning, Oxford: Blackwell.

Rosmawati Ali @ Mat Zin. (2005). Pengantar Ulum Hadis Edisi kedua. Pustaka Salam. Kuala Lumpur

Yusuf al-Qardawi (2000) Al-Muslimin wa al-'Aulamah. Al-Qahirah : Dar al-Tauzi ' wa al-Nasyr al-Islamiyyah.